



Juhara... 'puteri' teater serba boleh

PENGALAMAN melakonkan watak 'Tun Fatimah' dalam slot teater di Malam Puisi Utusan 3 di Dewan Hang Jebat, Melaka Bandar Bersejarah baru-baru ini mendatangkan kesan mendalam pada gadis teater ini.

Bagi Juhara Ayob, 24, watak 'Tun Fatimah' yang dipegangnya itu menguji kemampuan sebagai pelakon teater berbakat.

"Dalam teater ini, saya terpaksa menyelami penderitaan hati seorang perempuan yang menjadi mangsa keadaan di samping dilema yang ditanggungnya di antara dendam dan kesetiaan kepada suaminya.

"Peranan ini agak berbeza daripada peranan yang pernah saya lakonkan sebelum ini. Watak 'Tun Fatimah' sungguh mencabar," kata pelajar jurusan Teater dari Akademi Seni Kebangsaan (ASK), Kuala Lumpur yang menghiasi *Gadis Pilihan Muda-Mudi*.

Jelas Juhara, peranannya lebih

segmen teater tersebut yang juga terpaksa melakonkan aksi pertarungan.

"Bersilat adalah suatu pengalaman baru bagi saya. Selama seminggu mempelajari dengan pertolongan ahli dari kumpulan teater," jelasnya yang berlakon bersama Anak Opera Kuala Lumpur di bawah bimbingan Fatimah Omar.

Menyentuh mengenai perkembangan teater di negara ini, Juhara berkata bahawa teater di Malaysia telah banyak mengalami perubahan terutamanya melihat ramai anak muda yang berbilang bangsa dalam bidang ini.

Katanya, malah sejak kebelakangan ini teater juga diminati oleh golongan penyanyi dan pelakon.

Juhara berkata, masyarakat hari ini juga sekarang semakin mengemari teater yang bukan sahaja menghiburkan tetapi juga mengandungi mesej tersendiri.

Kata Juhara, perkembangan seni ini banyak memberi dorongan kepada

mempertingkatkan.

"Saya berharap untuk berjaya dalam bidang ini bukan sahaja sebagai pelakon tetapi juga bertindak sebagai orang yang di belakang tabirnya.

"Di ASK ini, saya mempelajari banyak perkara asas berkaitan teater. Selain itu saya juga mengambil peluang menyertai banyak persembahan teater yang dianjurkan oleh Panggung Negara," jelas gadis manis ini yang juga merupakan pengacara bagi *Era Bina*, sebuah rancangan terbitan TV1.

Sebelum ini Juhara pernah berlakon dalam teater *Puteri Ledang*, *Di Kampung Di Kota*, *Mat Som*, *Tikar Mengkuang Hampanan Buluh*, *Dara Uda* dan *Puteri Lipo*.

"Walaupun saya agak sibuk dengan kuliah tetapi untuk menimba lebih pengalaman dalam bidang ini.

"Saya perlu pandai membahagikan masa," kata Juhara yang juga terlibat sebagai suara latar untuk rancangan *Kisah Benar* terbitan TV3.

NAMANYA mungkin agak asing bagi sebilangan besar peminat seni kerana sebelum ini pendedahan mengenainya amat kurang biarpun penyertaannya dalam dunia seni cukup membanggakan.

Juhara Ayob, pelapis bakat seni pelakon-pelakon senior seperti Azean Irdawaty dan Fauziah Ahmad Daud, punya cara tersendiri untuk menambat hati peminat seni.

Penglibatan awal dalam dunia lakonan Juhara digilap menerusi pentas teater, cabang seni yang sering diperkatakan sebagai laluan terbaik untuk melengkapkan diri dengan ilmu seni lakon.

Ketika ditemui baru-baru ini, pelakon yang berusia 25 tahun ini masih lagi sibuk dengan pementasan teater *Tanah Abang* bersama pelakon-pelakon lain.

Bagaimanapun, anak kelahiran Kuala Pilah, Negeri Sembilan ini sempat meluangkan masa untuk berkongsi pandangan mengenai pengalaman seni yang dimilikinya.

Juhara mula melibatkan diri dalam dunia lakonan sebaik sahaja melibatkan diri sebagai artis budaya Kompleks Budaya Negara (KBN) lima tahun dahulu. Dari situ, dia mula melihat keupayaannya untuk menonjol sebagai pelakon.

"Segala-galanya bermula apabila saya menyertai KBN. Di sini saya berpeluang melihat bagaimana dunia teater berkembang. Saya dapat rasakan bidang ini mempunyai keistimewaan dan kelebihan tersendiri," jelas Juhara mengenai latar belakang seninya.

Pelajar tahun ketiga Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dalam jurusan pengajian teater ini juga berkata, selepas beberapa ketika bergaul dengan orang-orang seni di KBN, mula timbul minat di dadanya untuk menerokai dunia teater.

Pementasan pertama yang menguji kemampuannya berlakon ialah teater *Tikar Mengkuang* yang dipentaskan di sekitar awal tahun 1990-an, arahan Lukman Ghani.

Persembahan pertama itu begitu meyakinkan Juhara untuk serius dengan lakonan teater di samping tidak mengabaikan tugas rasminya sebagai artis budaya di KBN.

"Selepas berlakon beberapa teater yang lain, saya mula yakin bahawa bidang ini mempunyai peluang yang cerah dan saya telah berjanji dengan diri saya untuk serius dalam lakonan teater," katanya yang sehingga kini sudah berlakon lebih 10 buah teater Melayu.

Menyedari bakat seninya mampu dikembangkan, Juhara menerima tawaran untuk berlakon sebuah drama 13 siri *Balkis* dan beberapa buah drama televisyen yang lain.

Bagi Juhara, selagi bakat seni yang ada padanya boleh dikembangkan selagi itu dia tidak akan jemu untuk berusaha berikutan minat yang mendalam dalam bidang seni.

Selepas teater *Tanah Abang*, Juhara akan berganding bahu dengan pelakon-pelakon seperti Erma Fatima, Mubarak Majid, Raja Azura, Jamaluddin Abu Hassan dan ramai lagi dalam pementasan *Anugerah* yang akan dipentaskan oleh Kumpulan Utusan dari 5 hingga 10 Oktober ini.

Dalam teater yang diadaptasi menerusi novel karya Zaharah Nawawi dan diarahkan oleh Rosminah Tahir ini, Juhara akan memegang watak Zaleha, seorang jururawat yang mempunyai hubungan dengan Hisham (lakonan Jamaluddin Abu Hassan) suami kepada Ramlah (lakonan Erma Fatima).

Janjinya kepada penggemar dan pencinta teater Melayu, dia akan memberikan sepenuh komitmen bagi memastikan mutu persembahan teater Melayu mencapai tahap yang membanggakan.

"Saya juga akan cuba mengubah persepsi sesetengah masyarakat yang memandang ringan mutu persembahan teater Melayu," katanya tegas.

PANC
J
U
H
A
R
A



JUHARA

Mewarisi darah seni ibu bapa

Zizi mencipta nama

ZIZI...
pengacara
rancangan
Joe Jambul.



Oleh SAHARUDIN MUSTHAFA
Foto NOOR BAINI MASR

KE MANA tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Perumpamaan itu sering digunakan bagi golongan artis yang mewarisi darah seni ibu atau bapa mereka.

Raja Ema, misalnya, meneruskan bakat seni ibunya pelakon Yusni Jaafar dalam dunia lakonan. Begitu juga dengan adik-beradik Dilla, Fairuz dan Faizal Hussein yang meneruskan perjuangan seni ibu dan ayah mereka, pasangan Hussein Abu Hassan dan Mahyon Ismail.

Kini nama Norzizi Zulkifli pula yang disebut oleh peminat seni kerana bakat seni yang diwarisi daripada kedua-dua ibu dan bapanya, pasangan pelakon Zulkifli Zain dan Normala Omar.

Kepetahannya mengacara rancangan kuiz *Joe Jambul* terbitan RTM yang disiarkan setiap pagi Sabtu pukul 10.00 pagi sudah cukup untuk memperkenalkan dirinya sebagai anak seni yang berkaliber.

Selain itu aksinya ketika di pentas teater

senang jika saya memilih bidang lain. "Bagaimanapun sudah menjadi lumrah darah seni yang mengalir sukar untuk disekat, apatah lagi jiwa saya sering meronta untuk menikmati kepuasan dalam bidang lakon. Ibu dan bapa saya akhirnya menerima juga," ujar anak sulung daripada lima adik-beradik ini.

Kata Zizi, untuk berjuang menjaja namanya di dalam dunia seni, dia terpaksa mencari peluang sendiri dan ibu bapanya hanya mengawal gerak-geri anak gadis mereka dari belakang.

"Saya bersyukur kerana ibu dan bapa memberi peluang dan pelepasan kepada saya untuk membina nama tanpa menggunakan kedudukan mereka.

"Tindakan mereka ini mengajar saya cara hidup berdikari dan bagaimana peritnya meneroka dunia yang sering dianggap glamor ini," ujarnya sambil tersenyum manis.

Jadual seni

Bakat seni Zizi tidak sekadar dikenali sebagai pengacara dalam rancangan *Joe Jambul* terbitan RTM semata-mata, tetapi Zizi juga berpengalaman berlakon lebih 10 drama dan empat buah teater.

Selain serius dengan jadual seninya, Zizi juga sedang mengikuti pengajian Diploma Pengajian Teater di Akademi Seni Kebangsaan dan menyimpan cita-cita untuk bergelar pensyarah teater yang dikagumi.